

**SULIT**

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BANGSAR PUDU  
KUALA LUMPUR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
Oktober 2023  
2 ½ jam**

**1103/2**

**Satu Jam Tiga Puluh Minit**

**SOALAN PERCUBAAN SPM 2023  
BAHASA MELAYU (KERTAS DUA)  
KOD MATA PELAJARAN: 1103/2**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
2. Jawab **semua soalan.**
3. Jawapan bagi Soalan 8, berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup. Sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	8	
	2	6	
	3	11	
	4	4	
	5	6	
B	6	12	
	7	13	
	8	10	
C	9	30	
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[ Lihat halaman sebelah

**SULIT**

**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

[ 35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif perasaan. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif perasaan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kerukunan hidup dalam berkeluarga boleh mewujudkan komunikasi yang berkesan sesama ahli keluarga. Komunikasi yang berkesan akan mengelakkan daripada timbulnya rasa benci. Pertengkaran sesama ahli keluarga boleh mengundang perbalahan dan perasaan marah yang berpanjangan. Selain itu, hubungan yang erat antara keluarga dengan masyarakat tentu sahaja akan melahirkan perasaan sayang, sehingga ketika kita menghadapi masalah sudah pasti mereka akan membantu kita. Keluarga yang bahagia menyebabkan suasana kekeluargaan lebih mesra dan tenang. Jika kita hidup dengan menjaga hubungan baik, tentu saja tidak akan takut akan ancaman daripada pihak lain. Hal ini disebabkan oleh hubungan baik itu sendiri akan memberikan impak yang sangat positif dalam kehidupan bermasyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Keluarga Sejahtera Lahirkan Belia, Masyarakat Sejahtera',  
oleh Jufitri Joha, *Utusan Malaysia*, 28 April 2018  
[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Bina tiga ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang diberikan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang dicondongkan dalam petikan.*

Keistimewaan industri maya dan e-dagang *ialah kaedah transaksi maya tanpa sempadan jarak atau waktu.* Industri maya menjalankan transaksi perniagaan menggunakan perantaraan elektronik seperti *Internet, digital dan lain-lain.* Pelanggan hanya perlu mengunjungi mana-mana laman sesawang industri maya dan membuat pemilihan belian. Organisasi korporat yang menggunakan industri maya ini akan menaja khidmat *pengurus sesawang* yang dibayar royalti untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Industri Maya Kian Meletup'  
Oleh Mustafa Dakian  
*Dewan Ekonomi*, April 2018  
[6 markah]

## **SULIT**


3. Petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut semula.

### **Bahan 1**

Makanan sihat menjadi kegemaran bagi siapa yang mengikuti program diet. Kebanyakkan produk di label bebas lemak namun sebenarnya terkandung bahan-bahan yang tidak sihat. Contohnya, susu lemak rendah atau yogurt yang diganti dengan pengawit buatan. Pemanis buatan pula mempunyai sifar kalori yang membantu merendahkan berat badan. Walau bagaimanapun, keadaan ini sebenarnya akan menyebabkan anda semakin bergantungan pada gula. Meminum jus buah berperisa tiruan mungkin bagus jika hanya diminum sekali-sekala tetapi lebih baik dibuat sendiri dengan buah-buahan yang segar dan semulajadi.

[6 markah]

### **Bahan 2**



#### **PEMAKANAN SEHAT YANG SEIMBANG**

Dengan mengamalkan kaedah ini, jumlah karbohidrat yang diambil ialah pada takat yang sesuai di samping mendapat protein dan serat yang mencukupi.

[5 markah]

**SULIT**

4. Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Dipetik daripada  
'Kepimpinan Melalui Teladan',  
dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

5. Baca petikan di bawah dengan teliti, senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian bina ayat menggunakan peribahasa tersebut.

Semangat kejiranan merupakan perkara penting dalam kehidupan bermasyarakat. Jiran merupakan orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita. Perbezaan agama, bangsa, adat dan budaya tidak seharusnya dijadikan sebagai sempadan untuk memisahkan atau menjadi benteng daripada amalan hidup sesama jiran tetangga kerana bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Mungkin alasan kesibukan sehari-hari dalam mengejar karier masing-masing menyebabkan amalan kejiranan semakin dilupakan. Setiap anggota masyarakat janganlah mementingkan diri sendiri bagi enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Selain itu, perkembangan teknologi pada hari ini juga menjadi penyumbang kepada kealpaan masyarakat terhadap amalan hidup berjiran. Oleh itu, jiran tetangga perlu mengamalkan amalan bertegur sapa seperti bertanya khabar atau bertukar-tukar pandangan supaya hubungan kejiranan semakin rapat bagi isi dengan kuku.

[6 markah]

## **SULIT**

### **BAHAGIAN B: PEMAHAMAN** [35 markah]

6. *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

#### **Bahan 1**

Pada 2011, industri herba diiktiraf sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi negara dengan kerajaan mengklasifikasikan tumbuhan itu sebagai komoditi pertanian berpotensi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Di negara ini, antara penemuan terbaharu berkaitan tanaman herba ialah khasiat mengkudu dalam merawat kanser kolorektal (CRC), hasil kajian sekumpulan penyelidik Universiti Malaya (UM) yang diketuai oleh Prof Madya Dr. Nurshamimi Nor Rashid, pensyarah kanan di Jabatan Perubatan Molekul, Fakulti Perubatan. Mengulas penemuan itu kepada Bernama, Dr. Nurshamimi berkata mereka berjaya membangunkan sebatian daripada ekstrak mengkudu yang dapat mengurangkan pertumbuhan sel-sel barah kolorektal dan melumpuhkan fungsi gen-gen termutasi dalam barah tersebut. Menurutnya, penemuan itu diyakini dapat mengurangkan beban penjagaan kesihatan barah CRC yang tinggi sekarang disebabkan majoriti penghidap CRC yang datang ke hospital untuk rawatan pesakit peringkat akhir dengan prognosis yang tidak baik.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*'Potensi herba perlu diteroka dengan kajian mendalam'*  
Bernama, 12 April 2022

#### **Bahan 2**

*Morinda Citrifolia* atau lebih dikenali sebagai buah mengkudu berasal dari Asia Tenggara dan boleh dijumpai di Australia, Pacific Basin dan juga Caribbean. Mengkudu boleh dimakan mentah, direbus sehingga lembut atau yang paling popular dijadikan jus. Mengkudu merupakan antara tumbuhan herba yang telah lama digunakan sebagai bahan ubat tradisional. Semua bahagian pokok mengkudu termasuk daun, buah, akar, bunga dan juga biji mengkudu mempunyai *khasiat tersendiri*.

Buah mengkudu merupakan antara buah herba yang baik untuk membantu dalam proses penyembuhan luka. Kajian ke atas tikus menunjukkan bahawa buah mengkudu mempercepat penyembuhan luka secara signifikan. Kajian itu juga menyokong penggunaan buah mengkudu dalam rawatan tradisional untuk merawat luka. Selain itu, buah mengkudu juga membantu menurunkan gula dalam darah yang jika tidak dikawal dengan baik akan menyukarkan rawatan dan penyembuhan luka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*'10 Khasiat Mengkudu yang perlu anda tahu'*  
The Diagnosa, 13 Februari 2023.

**SULIT**

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *khasiat tersendiri*.  
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1 dan Bahan 2**, apakah khasiat buah mengkudu.  
[3 markah]
- (iii) Penggunaan herba untuk mengubati pelbagai jenis penyakit kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia.  
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan penggunaan herba sebagai perubatan alternatif?  
[3 markah]
- (iv) Farah menghadapi masalah jerawat di mukanya malah kulitnya kini nampak kusam dan berminyak. Farah tertarik oleh satu iklan dalam Internet yang mempromosikan produk seratus peratus daripada herba semula jadi dan tiada kesan sampingan. Anda berasa bimbang sekiranya Farah tertipu dengan ubat-ubatan yang dijual di pasaran.  
Sebagai rakan baiknya, bagaimanakah anda dapat membantu Farah daripada tertipu oleh iklan tersebut?  
[4 markah]

## **SULIT**

7. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### **Bahan 1**

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia dipilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.

Tidak cukup dengan tanggungjawabnya ke sana sini untuk berceramah. Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

"Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga." Untuk merdeka, katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

"Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka, dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita...."

Akhirnya, selepas berbulan-bulan lamanya Ahmad Mutawakkil menghilang, satu hari, pecahlah berita tentang kepulangannya. Oleh sebab namanya sebagai wartawan masyhur disebut orang di sana sini, Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu.

Dipetik daripada Cerpen Cinta Ahmad Mutawakkil

Zainal Rashid Ahmad

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

Antologi Sejada Rindu 2015

Kementerian Pendidikan Malaysia

### **Bahan 2**

#### **NEGARAKU BEBAS MERDEKA**

Kini  
tiada lagi tangisan insan terseksa  
terkapai-kapai lemas mencari daratan  
berkorban jiwa pertahan negara  
penjajah durjana merampas segala

60 tahun dahulu  
Stadium Merdeka menjadi saksi  
negaraku merdeka  
rakyatku tidak lagi sengsara  
menangis gembira mendapat cahaya

## **SULIT**

Merdeka  
tiada lagi penjajahan  
tiada lagi penderitaan  
tiada lagi jeritan penyiksaan  
tanah air ditadbir insan bestari

Kini  
60 tahun sudah merdeka  
negaraku cemerlang, gemilang, terbilang  
burung berkicau bebas berterbang  
menjadi tanda negaraku aman sejahtera

Maju berteknologi  
ke arah mencapai wawasan 2020  
kugenggam erat setiap amanah  
sematkan semangat jiwa bangsa  
pertahankan kemerdekaan ini  
semoga kekal selamanya

Merdeka tetap merdeka

Sumber: Internet

1. Berdasarkan bahan 2, nyatakan keadaan rakyat selepas merdeka. [2 markah]
  
2. Berdasarkan **semua bahan**, apakah persediaan untuk mengisi kemerdekaan? [3 markah]  
Apakah cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menerapkan semangat patriotik dalam diri anak-anak?  
[4 markah]
  
3. Penerapan semangat patriotik bermula dari rumah.  
Sebagai seorang guru yang dedikasi, apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh Cikgu Sarah untuk menggalakkan murid-murid menyertai aktiviti tersebut?

[4 markah]

## **SULIT**

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Cicipan burung dan bunyi merdu suara cengkerik semakin syahdu pada telinganya. Zahid semakin lali dengan kedamaian persekitaran dengan cara yang unik dan tersendiri. Malam tadi dia begitu lena dibuai muzik abadi daripada derikan serangga pemastautin di situ. Dalam mengelamun, tiba-tiba Zahid terkenang akan kehidupannya semasa berada di luar negara. Kehidupan lampau penuh pesona. Dia teringat akan Flora Steven, gadis lincah seindah dan sesionim bunga mekar yang didampinginya semasa di kampus. Yuen yang ramah yang ditemuinya di China Town serta Lakshemi dan Nor yang sering keluar bersama-sama semasa duduk di pangsapuri yang sama. Tersenyum bangga Zahid mengimbau komentar rakan sebilik tentang gaya afsunnya yang boleh mencairkan hati gadis. 'Petik jari sahaja,' kata rakan sekolej. Zahid kembang dengan ego dan keegoan terus menjentik jiwa.

Dipetik daripada  
*Novel Tirani*, karya Beb Sabariah

Nyatakan perkara-perkara yang dikenangkan oleh Zahid dalam lamunannya.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa yang dapat menerapkan ketabahan dalam diri pembaca bagi setiap novel.

[6 markah]

## **SULIT**

### **BAHAGIAN C: RUMUSAN** [30 markah]

9. *Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

#### **Bahan 1**

Media sosial boleh membawa kesan negatif dalam kehidupan seseorang jika tidak dirawat seperti ketagihan dadah. Hal ini dikatakan demikian kerana, media sosial kini menjadi platform yang mendominasi kehidupan sehari-hari kita. Perkara ini tidak mustahil dapat memberikan kesan yang buruk kepada mental dan emosi seseorang, terutama sekali terhadap golongan anak muda. Individu yang menggunakan media sosial tanpa had akan mengalami kemurungan apabila mempunyai pemikiran yang tidak rasional, berasa sedih yang berterusan dan kehilangan minat dalam hal-hal yang menyeronokkan.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, punca ketagihan Internet adalah kerana kanak-kanak seawal 12 tahun di negara ini rata-rata telah pun memiliki telefon pintar. Perkara inilah yang menjadikan Malaysia negara yang ketiga mempunyai kadar ketagihan Internet yang tinggi. Penggunaan media sosial tanpa had boleh merisikokan kejadian bunuh diri. Sebagai contoh, terdapat kes akibat fitnah dan komen-komen cemuh dalam akaun Facebook kerana membuat video ‘Tik Tok’ bersama dengan rakan sekerjanya yang merupakan seorang warga asing, wanita Melayu yang berumur 20 tahun dipercayai membunuh diri kerana rasa malu. Ketagihan Internet ini diburukkan lagi dengan berlakunya kemajuan teknologi telefon pintar dengan pelbagai aplikasi baharu termasuk permainan siber.

Selain itu, akibat taasub dengan penggunaan media sosial menyebabkan golongan muda hilang kemahiran bersosial. Kebanyakan daripada individu yang ketagihan media sosial menganggap perkara itu biasa atau malu untuk mendapatkan rawatan yang sepatutnya. Hal ini berlaku sedemikian kerana, terdapat stigma dalam masyarakat yang memandang serong terhadap individu yang mempunyai masalah kesihatan mental. Terdapat tanda-tanda awal bagi ketagihan media sosial, antaranya seseorang itu mementingkan penggunaan media sosial berbanding dengan keperluan sehari-hari yang lain termasuk makan atau tidur mereka. Selain itu, mereka juga akan berasa gelisah, murung dan tidak tenang apabila tidak berpeluang untuk melihat telefon bimbit.

## **SULIT**

Mereka yang mempunyai tanda-tanda awal ketagihan media sosial dinasihatkan untuk berjumpa dengan psikologis klinikal bagi mendapatkan bantuan dan rawatan segera sebelum nasi menjadi bubur.

Dipetik dan diubah suai daripada  
“*Penggunaan Media Sosial Mempunyai Kesan yang Sama seperti Dadah*”  
<https://jiwadamai.com/2023/03/21/>  
Pusat Pakar Psikologi

### **Bahan 2**



Sumber: dipetik dan diubah suai daripada  
[https://www.ipendidikan.my/ketagihan/media\\_sosial.html](https://www.ipendidikan.my/ketagihan/media_sosial.html)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**